

Untung bersih Scientex naik 50.9 peratus

Keuntungan bersih Scientex Bhd bagi suku pertama berakhir 31 Oktober 2019 melonjak 50.9 peratus kepada RM81 juta daripada RM53.7 juta bagi tempoh sama, setahun lalu.

Hasil meningkat 22.9 peratus kepada RM877.4 juta daripada RM713.6 juta yang dicatatkan sebelum ini.

Dalam satu kenyataan, syarikat pengeluar pembungkusan dan pemaju hartanah itu berkata peningkatan keuntungan itu disumbangkan oleh pengembangan asas operasi serta gabungan produk menarik dalam segmen pengeluaran selain kemajuan pengebilan daripada segmen pembangunan hartanah.

Pengarah Urusannya, Lim Peng Jin, berkata prestasi suku pertama itu turut memaparkan hasil penambahbaikan gabungan produk yang sedang dilaksanakan, kejayaan penyatuan pengambilalihan baharu dengan Daibochi Bhd yang mencatatkan hasil suku terbaik selain permintaan memberangsangkan terhadap rumah mampu milik di lokasi strategik.

“Pertumbuhan syarikat dalam suku pertama itu mewujudkan satu asas kukuh bagi mengekalkan prestasi dalam tahun kewangan 2020,” katanya.

Scientex mengambil alih 61.9 peratus kepentingan dalam Daibochi pada April tahun ini manakala Daibochi memuktamadkan pengambilalihan Mega Printing and Packaging Sdn Bhd (MPP) pada Ogos tahun ini.

Bagi kemajuan masa depan, Peng Jin berkata, unit pembangunan hartanah itu merancang melancarkan hartanah baharu bernilai RM1.1 bilion dalam tahun kewangan semasa. **BERNAMA**